

**Parlimen: Kerajaan Tidak Bercadang Tingkat Umur Bersara Ke 66 Tahun  
Bernama  
19 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan umur persaraan wajib anggota sektor awam kepada 66 tahun seperti mana umur persaraan wajib bagi hakim.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata kerajaan sebaliknya akan membuat pelantikan secara kontrak bagi pegawai-pegawai yang bersara wajib.

"Dengan cara ini, kerajaan akan dapat memastikan bahawa pegawai-pegawai yang berprestasi tinggi sahaja akan dilantik untuk terus berkhidmat selepas umur bersara wajib mengikut keperluan perkhidmatan," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Karpal Singh (DAP-Bukit Gelugor) pada persidangan Dewan Rakyat, pada Selasa.

Mohamed Nazri berkata sebagai majikan yang terbesar, kerajaan akan sentiasa memantau situasi pasaran buruh sebelum mempertimbang sebarang cadangan untuk meningkatkan umur persaraan wajib bagi anggota sektor awam.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=674110>